

Rangka Kerja CREATE!

Strategi Komunikasi untuk Gerak Balas Selesema Burung dan Kesediaan Selesema Pandemik

Boleh jadi kesan utama pandemik bukanlah virus itu sendiri tetapi akibat daripada ketakutan dan panik. Akan terdapat impak ekonomi yang besar di semua negara, dan kemungkinan kegagalan infrastruktur yang teruk. Setiap aspek kehidupan harian mungkin terjejas kerana orang menjauhi tempat awam untuk mengelakkan risiko pendedahan.

Banyak orang dalam industri ternakan ayam itik akan terjejas, daripada penternak dan pekerja ladang sehinggalah kepada penjual telur dan daging ayam itik.

Oleh sebab itu, komunikasi merupakan salah satu komponen yang paling kritikal bagi gerak balas yang berjaya untuk wabak selesema burung. UNICEF telah memajukan CREATE (Communication Resources, Essentials and Tools for Emergencies - Sumber Komunikasi, Asas dan Perkakas untuk Kecemasan) bagi membantu negara-negara menyediakan perkakas dan bahan komunikasi yang sesuai dari segi budaya untuk meringankan dan menguruskan risiko bencana, mengukuhkan kemahiran gerak balas masyarakat dan menggalakkan perilaku keselamatan nyawa yang positif. Sebagai contoh, CREATE telah menyediakan bahan untuk kesedaran masyarakat dan keluarga tentang pencegahan penyebaran influenza avian dan apakah yang perlu dibuat sekiranya berlaku pandemik manusia.

Bahan-bahan ini boleh didapati pada DVD / CD-ROM interaktif yang disertakan dan mengandungi bahan komunikasi yang sesuai dan berkesan yang dihasilkan secara profesional. Bahan-bahan ini boleh disesuaikan dan dibina dengan cepat dalam pelbagai latar untuk memenuhi keperluan masyarakat yang terjejas.

Untuk mesej utama CREATE tentang Selesema Burung, sila rujuk jadual yang disediakan pada DVD / CD-ROM.





SENI KOMUNIKASI

Adalah mustahak untuk mengetahui bahawa sehingga bulan Oktober 2006, Malaysia TIDAK berada di pinggir suatu krisis. Langkah-langkah negara kita begitu berjaya sehinggakan selesema unggas telah dibendung sebaik sahaja kadar kematian yang luar biasa dalam ternakan ayam itik dikesan.

Ini bukanlah bermaksud bahawa selesema unggas tidak mengendahkan sekiranya tiada ancaman segera wabak. Pihak berkuasa bekerja sepanjang tahun bagi memastikan bahawa langkah-langkah keselamatan dipatuhi. Sementara itu, pihak media juga boleh mendapatkan sebilangan cerita prapandemik yang menarik. Di bawah ini adalah beberapa cadangan:

- Cerita tentang pihak yang terlibat dengan industri ayam itik dan bagaimana mereka terjejas dengan wabak 2004 (lihat garis masa dalam Lampiran). Berapa banyakkah ayam itik yang mereka kehilangan? Apakah perkara yang mereka belajar dan apakah langkah-langkah penjagaan kebersihan dan langkah-langkah lain diambil oleh mereka sekarang?
- Wawancara dengan pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar, yang pergi ke kawasan yang terlibat? Adakah dia berasa takut? Apakah yang mereka nampak? Bagaimanakah suasana di kampung / ladang berkenaan? Apakah pendapat keluarganya tentang hal ini?
- Ilustrasi janaan komputer tentang bagaimana negara-negara lain telah terjejas. Penggunaan grafik komputer bermakna anda menyampaikan kepada orang ramai dengan cara visual yang kurang menakutkan – tetapi mesejnya mesti disampaikan.
- Cerita tentang impak ekonomi wabak tahun 2004. Orang ramai mungkin tidak kehilangan nyawa, tetapi kemungkinan mereka kehilangan gaya hidup. Apakah kehidupan mereka waktu itu? Bagaimanakah mereka kembali berhadapan dengan kehidupan?
- Siaran perkhidmatan awam pada rangkaian radio luar bandar, oleh kanak-kanak, mengingatkan kanak-kanak lain supaya mengamalkan penjagaan kebersihan yang disarankan.



PENGURUSAN KRISIS DAN PIHAK MEDIA

Komunikasi tentang influenza avian mengemukakan beberapa cabaran.

Adalah sukar untuk berkomunikasi tentang risiko, ahli sains masih tidak pasti tentang kemungkinan pandemik, dan pengertian khlayak tentang maklumat yang disampaikan adalah berbeza-beza. Bagaimanakah cara wartawan menyampaikan kepada pembaca, penonton atau pendengar perkara yang menjadi kerisauan tanpa kegemparan, namun masih menyampaikan keterukan situasi dengan tepat? Ada beberapa kaedah yang boleh digunakan oleh wartawan untuk mendapatkan cerita yang bagus, bertanggungjawab dan substantif. Di bawah ini adalah beberapa strategi yang disarankan.

DAPATKAN SUMBER YANG BOLEH DIPERCAYAI

Dalam hal ini, sumber anda yang paling boleh dipercayai ialah Menteri atau Ketua Pengarah Kesihatan. Pakar Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang berpejabat di Kuala Lumpur juga merupakan hubun-

gan yang penting. Jika sumber-sumber ini mengatakan bahawa keadaan adalah dahsyat, maka keadaan sememangnya dahsyat dan dengan memetik kata-kata mereka anda tidaklah sengaja menimbulkan sensasi mahupun memperkecilkannya. Anda melaporkan fakta dengan tepat dan tepat pada waktunya. Pakar-pakar ini ialah penguasa maklumat dan sekiranya mereka mahu, mereka boleh menahannya. Walau bagaimanapun, sekiranya mereka memutuskan untuk memberitahu anda, para wartawan, bahawa ada keperluan untuk berasa bimbang, maka itulah perkara sebenarnya yang berlaku.

Jika ada pihak selain tiga sumber ini membuat kenyataannya tentang virus, wartawan, editor dan penerbit mesti mempertimbangkan kesahihan sumber.

MENGERAHKAN WARTAWAN YANG BERPENGALAMAN

Sekurang-kurangnya dua wartawan kanan, yang biasa dengan istilah dan hubungan, sepatutnya dikerah untuk meliputi berita semasa berlaku suatu krisis. Ini adalah penting supaya masa tidak disia-siakan oleh wartawan

yang cuba untuk membiasakan dirinya dengan isu tersebut. Wartawan berita kesihatan juga mempunyai hubungan yang perlu dan akan tahu siapa untuk dihubungi apabila berlaku krisis. Wartawan akan dapat mencakupi berita terbaik dan menyampaikan berita mutakhir kepada pembaca, penonton atau pendengar. Dalam suatu krisis, malah sejurus sebelum krisis, situasi boleh berubah dalam masa beberapa jam. Seseorang yang sakit pada waktu pagi mungkin meninggal dunia menjelang waktu petang. Wartawan dengan orang hubungan yang baik akan mendapat maklumat yang relevan ketika keadaan berubah. Wartawan yang meliputi berita Influenza Avian haruslah sentiasa berhubung dengan subjek walaupun di antara wabak. Maklumat ini boleh digunakan sebagai latar belakang yang memberikan perspektif yang tepat bagi peristiwa semasa. Wartawan juga akan dapat bertanya soalan-soalan yang lebih berpengetahuan.

KOMUNIKASI ANTARA MEJA BERITA DENGAN WARTAWAN

Mesti ada komunikasi yang berterusan antara editor atau penerbit dengan wartawan bertugas. Wartawan mestilah memaklumkan meja berita tentang apa-apa perubahan terhadap isu. Walaupun editor berita banyak menyumbang kepada bahagian akhir dengan memperkemas cerita dan memastikan bahawa seriusnya situasi tidak dibesar-besarkan, wartawanlah yang berada di tapak kejadian. Oleh itu wartawan dan juga editor mestilah saling berhubung bagi memastikan maklumat di bahagian akhir adalah tepat dan seimbang.

MELENGKAPI DIRI

Wartawan seharusnya mampu memaklumkan meja berita sekiranya berlaku wabak. Maklumat terkini boleh dicapai dengan memasuki sumber berita asing dan terus berhubung dengan orang hubungan yang boleh dipercayai. Wartawan hendaklah melengkapi

diri dengan maklumat latar belakang dan tahu apa yang pernah dilaporkan pada masa lampau. Dengan cara ini mereka tahu apakah jenis cerita yang boleh dituliskan.

PERANAN EDITOR

Editor berita yang menyunting cerita mestilah memahaminya dan membuat keputusan tentang nada berita. Dia hendaklah mengambil pendekatan yang seimbang. Ayat seperti "Kita mungkin tidak sempat menyediakan vaksin," ATAU "Keadaan amat dahsyat" hanya akan mengakibatkan panik kerana ini meninggalkan ruang yang sangat luas untuk ditafsir. Setiap pernyataan yang dibuat mestilah setimpal dan disokong dengan petikan dari sumber yang boleh dipercayai. Seandainya vaksin benar-benar tidak ada dalam keadaan yang dahsyat itu, seimbangkannya dengan maklumat tentang usaha yang sedang dijalankan sebagai barisan pertahanan kedua.

Pada akhir minggu pelaporan suatu wabak, sepatutnya ada rangkuman atau ulasan yang beranalisis. Di sini wartawan mungkin mempunyai kebebasan tertentu untuk mengulas, tetapi ulasan ini mestilah yang termaklum. Dia mesti berbincang dengan pakar dan memetik kata-kata mereka, bukannya membuat ramalan sendiri.

MENYEDIAKAN MAKLUMAT YANG MENCUKUPI

Tidak ada istilah terlalu banyak maklumat tetapi ia mestilah terukur. Umpamanya, adakah anda mengulangi maklumat yang telah diedarkan? Daripada mengulang, lebih baik jadikan laporan dari akhbar lain selangkah lebih maju.

BERUSAHA UNTUK MEMBONGKAR MITOS

Menambah rencana sisip kepada cerita anda yang berhubung dengan mitos dan salah konsep lazim benar-benar dapat memberi penjelasan kepada orang awam,

dan industri ternakan ayam itik di negara anda.

CAKAP TENTANG PERKARA POSITIF

Malaysia mempunyai banyak langkah mencegah yang baik, antara yang terbaik di Asia Tenggara [melihat halaman 20].

JANGAN LUPA TENTANG RISIKO

Walaupun adalah mustahak supaya tidak menimbulkan kecemasan jika tidak perlu, adalah amat penting untuk memastikan orang awam mengetahui risiko-risiko yang terlibat. Ini adalah bagi memastikan langkah berjaga-jaga yang perlu dijalankan untuk mencegah penyebaran penyakit sekiranya berlaku wabak. Sampaikan tentang kesan sosioekonomi, cara penyakit merebak dan tidak boleh merebak, apakah yang kerajaan sedang usahakan dan kesudahan yang mungkin jika kita gagal mengambil langkah berjaga-jaga yang wajar.

AMARAN!

Apabila melawat ke tapak wabak berundinglah dahulu dengan Pegawai Perubatan Daerah atau Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Seperti penggerak balas utama, wartawan tidak boleh sama-sekali mendekati tapak wabak tanpa kelengkapan perlindungan yang termasuk penutup kasut, kep, sarung tangan, pakaian khas dan topeng. Ada dua alasan untuk ini: pertama, anda menghadapi risiko dijangkiti. Kedua, anda menghadapi risiko membawa virus ke tempat yang tiada wabak penyakit. Ini akan menjadi pencabulan terhadap amalan penternakan yang baik dan juga pelanggaran bio-keselamatan, istilah yang digunakan untuk menguraikan pemindahan mikroorganisma dari suatu kawasan jangkitam ke satu kawasan yang bebas jangkitan.

LANGKAH-LANGKAH DI NEGARA KITA SENDIRI

INFLUENZA AVIAN DI MALAYSIA

Wabak pertama berlaku pada 17 Ogos, 2004, serentak dengan gelombang kedua wabak di rantau ini. Ekoran ini, lapan lagi wabak berlaku, yang terakhir adalah pada bulan September 2004. Semua wabak ini dianggap berpunca daripada virus HPAI, subjenis H5N1 dan terbatas kepada negeri Kelantan, melibatkan daerah-daerah Tumpat, Pasir Mas, Kota Bharu, Bachok dan Tanah Merah. Jumlah keseluruhan kes ternakan ayam itik yang terlibat dalam wabak adalah 106 dengan 101 kematian. Spesies yang terjejas ialah ayam dan itik kampung ternak lepas, dan puyuh yang dibela dalam reban bertingkat.

Wabak kedua negara telah direkodkan pada bulan Februari 2006 selepas ia muncul pada ayam ternak lepas di kampung-kampung berhampiran Kuala Lumpur, mencetuskan penyembelihan berpuluh-puluh ribu burung.



Malaysia mempunyai pasukan gerak balas tangkas untuk menyasat dakwaan berlakunya wabak

Semenjak itu, terdapat lima wabak virus lain melanda ternakan ayam itik negeri-negeri utara di Perak dan Pulau Pinang. Walau bagaimanapun pada bulan Jun tahun yang sama, Malaysia mengisytiharkan ia bebas daripada selesema burung, mengatakan bahawa tiada wabak penyakit berbahaya tersebut sejak tiga bulan yang lalu. Sehingga kini tidak ada kes HPAI manusia diredodkan di negara ini.

SEKIRANYA BERLAKU WABAK – peranan agensi kerajaan

Malaysia mempunyai satu pasukan gerak balas tangkas untuk menyasat dakwaan berlakunya wabak. Pasukan itu cuba membendung penyakit melalui mekanisme pratentu seperti kal dan pengawasan. Tanggungjawab Kementerian Kesihatan semasa pelaksanaan pembendungan adalah untuk mengawasi penggerak balas utama. Umpamanya, ia memastikan petugas kal menggunakan kelengkapan perlindungan, dan memaman-

tau kesihatan mereka sepanjang pelaksanaan dan selepas itu. Kementerian juga melaksanakan pengawasan terhadap semua rumah dalam jarak 300m dari wabak untuk memeriksa jika sesiapa mendapat gejala. Orang yang tinggal melebihi 300m dari wabak diminta melapor kepada hospital terdekat sekiranya mereka mendapat apa-apa gejala. Jabatan Perkhidmatan Veterinar menjalankan tugas kal. Mereka juga menyediakan insentif untuk menggalakkan penternak melaporkan burung mati, seperti menawarkan pampasan bagi apa-apa burung yang dikal semasa wabak. Jabatan Kastam dan Imigresen memantau pergerakan ayam itik dan spesies unggas yang masuk dan keluar negara.

SEKIRANYA BERLAKU WABAK...

- **GERAK BALAS ORGANISASI**
Malaysia mempunyai Pelan Kesiapsiagaan Menghadapi Pandemik Influenza Kebangsaan (National Influenza Pandemic Preparedness Plan - NIPPP yang boleh dilihat di <http://www.dph.gov.my/survelans>). Pelan ini menggariskan strategi untuk tindakan pantas dan terselaras di kalangan agensi-agensi kerajaan dan bukan-kerajaan; dan bertindak sebagai panduan penggerak balas perratma sewaktu wabak. Bagi memastikan sokongan politik di peringkat tertinggi dan untuk mempergiat

kerjasama antara sektor-sektor kesihatan dan pertanian, suatu Jawatankuasa Antara-Menteri yang dipengerusikan oleh Menteri Pertanian telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini dinasihati oleh Jawatankuasa Teknikal Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. Jawatankuasa peringkat negeri dan daerah juga telah ditubuhkan bagi menjamin kecepatan.

- **GERAK BALAS PERUBATAN**
NIPPP menyediakan strategi tentang cara pesakit harus dibawa hospital, cara mereka harus dikendalikan di hospital dan garis panduan rawatan. Sebagai langkah berjaga-jaga, penggerak balas pertama dan kakitangan perubatan hendaklah divaksin dengan vaksin selesema yang terbaharu.
- **GERAK BALAS ORANG AWAM**
Kementerian Kesihatan memantau penyakit seperti selesema di klinik-klinik terpilih

di seluruh negara untuk mengesan apa-apa tandanya. Sekiranya terdeteksi wabak, orang awam digalakkan untuk mendengarkan arahan daripada pihak berkuasa, menjauhkan diri dari tempat orang ramai yang sesak, dan memakai topeng apabila mereka perlu keluar rumah. Kebersihan diri yang betul dianggap perlu dan mereka yang sakit hendaklah mendapatkan rawatan perubatan.

- **PENGAWASAN BERASASKAN KEJADIAN**
Penternak mesti melaporkan burung mati kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Orang awam juga digalakkan melaporkan apa-apa burung mati yang mereka temui.
- **KEUPAYAAN MAKMAL**
Makmal-makmal Malaysia dilengkapi alat untuk mengenal pasti selesema pandemik. "Strain aneh" diasingkan dan dihantar serta-merta kepada WHO.

RAWATAN

Kerajaan sedang menyimpan stok Tamiflu, sejenis antivirus untuk HPAI. Kerajaan Jepun telah menaja simpanan stok antivirus ini untuk negara-negara Asean, dan Malaysia juga boleh turut mendapatnya. WHO juga mempunyai simpanan stok boleh didapati untuk pihak yang memerlukannya.

KOMUNIKASI RISIKO

Kementerian Kesihatan telah menjalankan latihan penyaringan simulasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur tentang cara untuk bergerak balas sekiranya berlaku wabak. Latihan yang lain pula melibatkan pengurusan pesakit di Hospital Ipoh. Ini juga bertujuan untuk menguji kesediaan negara dalam menguruskan pandemik dan untuk melihat bidang mana yang diperlukan diperbaiki.



Kebersihan
diri
yang
betul
dianggap
perlu

PENGAWASAN TERNAKAN AYAM ITIK

Malaysia terkenal dengan reputasi pengawasan ternakan ayam itik. Strategi ini menghendaki pihak berkuasa mengendalikan penyakit, mampu mengesan virus dengan cepat dan mengatasinya dengan pantas.

Jika timbul apa-apa sebab untuk mengesyaki kehadiran selesema unggas, Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan meninjau ladang ayam dan itik, komersial dan juga di kampung-kampung. Contoh-contoh diambil dan dihantar untuk ujian bagi mengesahkan kehadiran virus.

TOMPOK PANAS

Kawasan-kawasan yang paling berkemungkinan dijangkiti ialah kawasan di sekitar pintu masuk manusia dan sempadan, dan tempat pendaratan burung migratori yang diketahui. Negeri-negeri yang berisiko ialah

Kelantan, Perlis, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Pulau Pinang, Perak, Sabah dan Sarawak. Di Kelantan, Perlis, Sabah dan Sarawak, ayam dibela dengan cara kampung, bermaksud ia ditenak lepas dan bebas merayau di kalangan penduduk. Kawasan sempadan dengan Thailand dan Kelantan dan Perlis; dan Sarawak dengan Indonesia, bermakna ternakan ayam itik luar negara kadangkala boleh masuk ke Malaysia tidak pemeriksaan. Ladang ternakan ayam itik komersial tertumpu di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Pulau Pinang dan Perak. Ternakan ditempatkan dalam reban-reban yang rapat, tidak seperti di kampung-kampung.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kementerian Pertanian mengadakan perbincangan sepanjang tahun di seluruh negara di pusat kemasyarakatan, masjid dan me-

lalui persatuan peladang.

Penternak dan peladang dididik secara berterusan tentang virus, tentang kematian ternakan ayam itik dan kemungkinan kematian manusia, dan kerugian ekonomi yang teruk. Mereka juga diberitahu supaya berwaspada – sekiranya mereka menyedari kadar kematian ternakan ayam itik yang melebihi lima peratus sehari, mereka diwajibkan untuk memaklumkan pejabat jabatan veterinar yang terdekat. Sekiranya kal perlu dijalankan, penternak akan diberi pampasan kewangan.

Juga mustahak ditegaskan bahawa pokok kejayaan strategi ini adalah adanya kerjasama yang rapat antara semua agensi kerajaan yang terlibat, termasuk Kementerian Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Kesihatan, polis, Jabatan Hidupan Liar, dan Kastam, yang meninjau sempadan.



DIREKTORI SUMBER HUBUNGAN

Malaysia

TAN SRI DR MOHD ISMAIL MERICAN

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan
Tel: (+6.03) 8883 2545
Faks.: (+6.03) 8889 5542
Emel: ismailmerican@moh.gov.my

DR NOR SHAHIDAH KHAIRULLAH

Pengarah, Institut Kebangsaan bagi
Produk Semulajadi, Vaksin dan Biologiikal
Ketua Jabatan Virologi, Pusat Kajian
Penyakit Berjangkit,
Kementerian Kesihatan
Tel : (+6.03) 2693 5070
Faks.: (+6.03) 2693 6323
Emel: norshahidah@imr.gov.my

DR CHRISTOPHER LEE

Ketua Jabatan & Perunding
Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit
Jabatan Perubatan
Hospital Sungei Buloh
Tel: (+6.03) 6145 4333
Faks.: (+6.03) 6145 4222

DR ZAINUDIN ABDUL WAHAB

Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit
(Survelan)
Bahagian Kawalan Penyakit.
Kementerian Kesihatan
Tel: (+6.03) 8883 4383
Faks.: (+6.03) 8888 6271
Emel: zainudin@dph.gov.my

DR ROHANI JAHIS

Ahli Epidemiologi
Bahagian Kawalan Penyakit.
Kementerian Kesihatan
Tel: (+6.03) 8883 4297
Faks.: (+6.03) 8888 6271
Emel: rohbj@dph.gov.my

DR VIJAYAMALAR BALASUBRAMANIAM

Pakar Virologi Klinikal Kanan
Unit Virologi
Institut Penyelidikan Perubatan
Tel: (+6.03) 4040 2347
Faks.: (+6.03) 2693 8094.
Emel: malar@imr.gov.my

PROFESSOR SHAMALA DEVI

Fakulti Perubatan
Universiti Malaya dan
Perunding Virologi dan Pengarah Pusat
Kerjasama WHO bagi Arbovirus
Tel: (+6.03) 7967 5759
Faks.: (+6.03) 7958 4844.
Emel: shamala@um.edu.my

DR KAMARUDDIN MD ISA

Ketua, Unit Kawalan Penyakit dan
Biologi Veterinar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Kementerian Pertanian
Tel: (+6.03) 8870 2007
Emel: kamar@jph.gov.my, kamar57@
yahoo.uk

SAHARA AHMAD

Penolong Pengarah
Bahagian Perancangan dan
Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pelajaran
Tel: (+6.03) 8884 6303
Faks.: (+6.03) 8889 5718
Emel: sahara_hmd@yahoo.com

DR GOH CHEE LEONG

Pengarah Psikologi
HELP University College
Tel: (+6.03) 2095 8791 x 1101
Faks.: (+6.03) 2095 7100
Emel: gohcl@help.edu.my

Antarabangsa

DR B. VENUGOPALAN

Pegawai Teknikal
Pejabat Wakil WHO untuk Brunei Darus-
salam, Malaysia & Singapura
World Health Organization
Tel: (+6.03) 2093 9908
Fax: (+6.03) 2093 7446
Email: venugopalanb@mac.wpro.who.int

INDRA NADCHATRAM,

Pegawai Komunikasi
UNICEF Malaysia
Tel: (+6.03) 2095 9157
Faks.: (+6.03) 2093 0582
Emel : inadchatram@unicef.org

GLOSARI

antivirus: Agen yang membunuh virus atau menumpaskan keupayaannya untuk mereplika atau mengganda dan oleh itu, merencat keupayaannya untuk membiak dan merebak dari sel ke sel.

biokeselamatan: Tindakan mencegah yang diambil untuk meminimumkan risiko membawa masuk penyakit berjangkit ke dalam populasi haiwan.

endemik: kejadian penyakit yang normal di dalam kawasan geografi atau kumpulan populasi tertentu (misalnya, kejadian batuk kering (tuberkulosis) di Malaysia atau kejadian malaria di kalangan pekerja balak)

epidemik: Penyakit yang terjadi secara tiba-tiba dalam sebuah masyarakat, rantau atau negara dalam jumlah yang jauh lebih besar daripada biasa. Melihat pandemik.

HPAI: Highly Pathogenic Avian Influenza. Bentuk Influenza Avian yang Amat Patogen. Amat mudah berjangkit di kalangan manusia.

H5N1: Suatu varian influenza avian, iaitu sejenis influenza yang virulen terhadap burung. Pertama kali dikenal pasti di Itali pada awal tahun 1900-an dan sekarang diketahui wujud di seluruh dunia.

influenza: Suatu penyakit serius yang disebabkan oleh virus yang menjangkiti

saluran pernafasan.

mutasi: Suatu perubahan kekal, suatu perubahan struktur, di dalam DNA atau RNA. Bagi manusia dan banyak organisma lain, mutasi berlaku dalam DNA. Namun, bagi retrovirus seperti HIV, mutasi berlaku dalam RNA yang merupakan bahan genetik retrovirus.

pandemik: Wabak penyakit seluruh dunia dalam bilangan yang jelas melebihi tahap biasa

patogen: keupayaan virus menghasilkan penyakit (pada ternakan ayam itik). Strain AI juga terbahagi kepada dua kumpulan berasaskan keupayaan virus ini menghasilkan penyakit: patogen rendah (LP-low pathogenic) dan amat patogen (HP-highly pathogenic).

pencilan: Suatu strain tulen yang telah diasingkan daripada tisu berpenyakit, air tercemar, atau udara.

strain: Sekumpulan organisma di dalam satu spesies atau varieti.

vaksin: Sediaan yang terdiri daripada antigen organisma penyebab penyakit yang apabila dibawa masuk ke dalam badan, merangsang pengeluaran antibodi khusus atau mengubah sel. Ini menghasilkan keimunan terhadap organisma penyebab penyakit. Antigen

dalam sediaan boleh jadi seluruh organisma penyebab penyakit (dibunuh atau dilemahkan) atau sebahagian daripada organisma ini.

strain aneh: Strain yang luar biasa baharu, aneh, atau berbeza (lihat strain)

selesema bermusim: Penyakit pernafasan yang dikenali juga sebagai selesema biasa atau selesema musim sejuk yang boleh menular dari manusia kepada manusia. Kebanyakan orang sedikit keimunan, dan vaksinnya boleh didapati.

transmisi kelompok: Penularan penyakit tidak normal di dalam kawasan geografi yang khusus (misalnya, influenza avian di ladang ternakan ayam itik) atau sekumpulan individu dengan aktiviti bersama, di tempat kerja atau masa lapang (misalnya, SARS di kalangan pekerja penjagaan kesihatan atau gejala keracunan makanan selepas majlis perkahwinan).

virus: Mana-mana parasit submikroskop ringkas bagi tumbuh-tumbuhan, haiwan, dan bakteria yang biasanya menyebabkan penyakit dan pada asasnya terdiri daripada suatu teras RNA atau DNA yang dikelilingi oleh lapisan protein. Tidak dapat mereplika tanpa sel hos, virus lazimnya tidak dianggap organisma hidup.

Sumber utama: www.pandemicflu.gov

GARIS MASA SELESEMA UNGGAS

Nota: Angka-angka adalah betul pada tarikh 4 Julai 2006. Untuk statistik terbaharu, melihat kemas kini Influenza Avian Pertubuhan Kesihatan Sedunia di http://www.who.int/csr/disease/avian_influenza/en/

1996

- Virus influenza avian amat patogen H5N1 (selesema burung) telah diasingkan dari ladang ternakan angsa di Wilayah Guangdong, China.

1997

- Wabak selesema burung dilaporkan di ladang ternakan ayam itik dan pasar ayam itik hidup di Hong Kong, mengakibatkan enam kematian manusia. Salah satu daripada kematian ini meibatkan sebuah keluarga Hong Kong dengan sejarah perjalanan terbaru ke Wilayah Fujian di China.

Disember 2003

- Gelombang pertama selesema burung melanda ternakan ayam itik dilaporkan di Korea Selatan, Kemboja, Indonesia, Jepun, Laos, Thailand dan Vietnam, mengakibatkan tiga kematian manusia yang dilaporkan di Vietnam.

2004

- Gelombang kedua selesema burung dilaporkan melanda kelompok ternakan ayam itik di China, Kemboja, Indonesia, Malaysia, Thailand dan Vietnam.
- Penyelidikan mengesahkan H5N1 telah secara progresif menjadi lebih maut

terhadap unggas air liar, yang selama ini dianggap wadah semula jadi yang bebas penyakit, dan sesetengah mamalia.

- Bukti menunjukkan bahawa itik ternakan asimptomatik (tidak bergejala) bertindak sebagai wadah virus yang senyap, yang mungkin menjelaskan mengapa beberapa jangkitan manusia tidak dapat dikesan kepada sentuhan yang dekat dengan ternakan ayam itik yang dijangkiti.

- Sejumlah 32 kematian manusia dilaporkan di Thailand dan Vietnam.

2005

- Selesema burung H5N1 menyebabkan kematian lebih 6000 burung liar pelbagai spesies di Tasik Qinghai di bahagian tengah China – tempat berkumpul beribu-ribu burung yang berhijrah. Ujian menunjukkan bahawa selesema burung telah berubah ansur menjadi lebih maut terhadap burung liar.

- Selesema burung dibawa bersamasama laluan hijrah musim sejuk ke arah Eropah.

- Rusia dan Kazakhstan melaporkan wabak ternakan ayam itik di bahagian barat Siberia dan kawasan yang bersebelahan. Burung berhijrah yang mati dilaporkan di sekitar wabak.

- China, Croatia, Mongolia, dan Romania melaporkan wabak selesema burung terhadap burung yang berhijrah.

- Turki, Romania dan Ukraine melaporkan wabak selesema burung yang melanda ayam itik yang dibawa masuk

oleh unggas air yang berhijrah.

- Sejumlah 41 kematian manusia dilaporkan di China, Kemboja, Vietnam, Thailand dan Indonesia.

Januari 2006

- Tujuh kematian manusia dilaporkan di Turki, Indonesia dan China.
- Iraq melaporkan kematian manusianya yang pertama.

Februari 2006

- Tiga belas negara baharu melaporkan jangkitan H5N1 yang pertama terhadap burung liar atau burung ternakan mereka: Iraq, Nigeria, Azerbaijan, Bulgaria, Greece, Itali, Slovenia, Iran, Austria, Jerman, Mesir, India dan Perancis. Jangkitan burung Iraq telah disahkan hanya selepas kes manusianya yang pertama.

Jun 2006

- WHO mengesahkan transmisi manusia kepada manusia yang terhad di kalangan tujuh orang ahli keluarga di Indonesia, tetapi mengatakan bahawa virus belum cukup termutasi untuk menular antara ahli-ahli dalam populasi yang lebih luas.
- Angka terbaharu daripada WHO melaporkan jumlah kumulatif sebanyak 228 jangkitan manusia dan 130 kematian manusia berlaku di Azerbaijan, Kemboja, China, Djibouti, Mesir, Indonesia, Iraq, Thailand, Turki dan Vietnam sejak tahun 2003.

Nota: Sehingga kini, WHO tidak melaporkan apa-apa kes selesema burung terhadap manusia, burung atau haiwan di Amerika Utara, Amerika Selatan, Australia atau Pasifik Selatan.

Sumber: WHO

SUMBER-SUMBER

SOALAN LAZIM INFLUENZA AVIAN

http://www.who.int/csr/disease/avian_influenza/avian_faqs/en/index.html

SEPULUH PERKARA YANG ANDA PERLU TAHU TENTANG INFLUENZA PANDEMIK

<http://www.who.int/csr/disease/influenza/pandemic10things/en/index.html>

TAPAK WEB FAO

<http://www.fao.org>

BILIK BERITA FAO

<http://www.fao.org/newsroom/en/news>

INISIATIF KOMUNIKASI

http://www.comminit.com/avian_influenza.html

TAPAK WEB WHO

www.who.int

PELAN KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI PANDEMIK WHO

takrifkan peranan yang dimainkan oleh WHO apabila pandemik selesema berlaku

http://www.who.int/csr/resources/publications/influenza/WHO_CDS_CSR_GIP_2005_5/en/index.html

BEBERAPA NEGARA TELAH MENYERAHKAN PELAN KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI PANDEMIK KEBANGSAAN

MEREKA KEPADA WHO. Ini boleh didapati di: <http://www.who.int/csr/disease/influenza/nationalpandemic/en/index.html>

UNICEF- INFLUENZA AVIAN: PENGENALAN

<http://www.unicef.org/avianflu/index.html>

WHO HANDBOOK FOR JOURNALISTS: INFLUENZA PANDEMIC

contact

United Nations Children's Fund (UNICEF)

Malaysia Country Office
Wisma UN, Block C, 2nd Floor
Kompleks Pejabat Damansara
Jalan Dungun, Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur, MALAYSIA.

phone. (+6.03) 2095 9122 / 54

fax. (+6.03) 2093 0582

email. kualalumpur@unicef.org

URL. www.unicef.org/malaysia